

# Roslinda sasar lepasi 4 meter

RAMATU lompat bergalah negara, Roslinda Samsu (**gambar**) bakal turun buat kali pertama bagi menilai sejauh mana tahap kemampuannya selepas berehat sekitan lama di Kejohanan Terbuka Taiwan, Rabu ini.

Selepas bergelumang dengan pelbagai masalah antaranya masalah khidmat jurulatih di samping tawaran menjalani latihan di Formia, Itali, Pegawai Penyelaras Olahraga Majlis Sukan Negara (MSN), M Magendran tetap yakin kemampuan Roslinda untuk melakarkan lompatan atas 4 meter.

Bagaimanapun Magendran, ketika mengulas mengenai peluang Roslinda menjalani latihan ke Eropah sebagai persediaannya untuk melayakkan diri ke Kejohanan Dunia yang akan berlangsung di Berlin, Jerman, Ogos ini, berkata semua itu akan dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa kerja bersama Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM).

Katanya, MSN hanya bantu



(STUDENT UPM)

di segi kewangan dan program atlit perlu dirancang KOAM, justeru semua rancangan atlit perlu datang melalui permohonan daripada KOAM sebelum dinilai dalam mesyuarat nanti.

"MSN akan kaji permohonan terlebih dahulu daripada KOAM kerana mereka ada jawatankuasa kejurulatihan sendiri dan ketika ini, kami menunggu Karim (Ibrahim - Timbalan Presiden KOAM) untuk ber-

sama dalam mesyuarat jawatankuasa kerja nanti.

"Setiap permohonan bagaimanapun akan dikaji dengan terperinci berikutkan keadaan semasa ekonomi dan bajet terhad.

"Justeru setiap keputusan yang dibuat perlu berhemah dan berhati-hati," katanya.

Katanya, ketika ini Noraseela Khalid yang kini berpangkalan di Pusat Prestasi Tinggi (HPC), Universiti Pretoria, Afrika Selatan, menjadi satu-satunya atlit olahraga yang diberi peluang menjalani latihan di luar negara sejak Disember lalu.

Atlit 400m lari berpagar dari Rawang itu dilaporkan sudah pulih sepenuhnya daripada kecederaan yang membelenggunya sejak dua tahun lalu kini disifatkan berada di landasan tepat dalam usahanya kembali mempiah nama.

MSN meletakkan harapan yang tinggi kepada tiga atlit negara - Roslinda, Noraseela di samping Lee Hup Wei melayakkan diri ke Kejohanan Dunia di Berlin itu.